

BAB 3

LATAR BELAKANG DAN KETOKOHAN A. SAMAD ISMAIL

3.0 Pengenalan

Dalam bab yang ketiga ini, pengkaji membincangkan tentang latar belakang A. Samad Ismail dan ketokohan serta penglibatan beliau dalam bidang penulisan sama ada yang berbentuk kreatif ataupun sebaliknya. Hal ini dirasakan perlu untuk diberikan perhatian oleh pengkaji bagi membuktikan bagaimana unsur-unsur luaran seperti yang ditekankan oleh Mikhail Bakhtin dalam teori dialogismenya seperti sejarah, pemikiran, pengalaman, ideologi, budaya dan sebagainya banyak digunakan sebagai perencah oleh A. Samad Ismail dalam karya-karyanya yang berbentuk kreatif seperti cerpen dan novel.

3.1 Latar Belakang A. Samad Ismail

A. Samad Ismail telah dilahirkan pada 24 April 1925. Bapanya Haji Ismail yang bertugas sebagai Guru Besar adalah seorang Jawa dari Banyumas, Pulau Jawa. Bapa kepada Haji Ismail pula yang bernama Haji Syairazi adalah seorang sheikh haji yang tugasnya adalah khusus untuk menguruskan hal ehwal jemaah haji dari Banyumas di Singapura. Pada masa itu, mereka menetap di sebuah perkampungan Melayu iaitu Rochore yang merangkumi Minto Road, Palembang Road, Jawa Road dan Jalan Sultan. Penduduk di perkampungan Melayu itu kebanyakannya bekerja sebagai peniaga kecil, berkedai dan bertukang khususnya sebagai tukang tembaga (A. Samad Ismail, 1993 : 79).

Ibu A. Samad Ismail pula bernama Aida Binti Abdul Majid. Bapa kepada ibunya iaitu Abdul Majid adalah seorang saudagar permata yang menetap di kawasan Bali Lane yang bersempadan dengan Bussorah Street dan berdekatan dengan Pasar Beach Road atau Pasar Besi yang pada suatu waktu dahulu adalah merupakan sebuah perkampungan Melayu yang bergelar Kampung Masjid Baharu kerana terdapat sebuah masjid yang didirikan (A. Samad Ismail, 1993 : 79). Hasil daripada perkahwinan Haji Ismail Bin Haji Syairazi dan Aida Binti Abdul Majid, mereka telah memperolehi seramai 13 orang cahaya mata.

Bapa A. Samad Ismail iaitu Haji Ismail kemudiannya telah membawa keluarganya tinggal di sebuah rumah yang dibinanya sendiri di Jalan Yahaya, Kampung Melayu. Sebenarnya, Haji Ismail pandai bertukang membina rumah dan membuat perabot. Ketika beliau menjadi Guru Besar di Sekolah Katong, beliau telah mengadakan kursus-kursus pertukangan untuk para guru di sekolah tersebut. Selain membina rumahnya sendiri, Haji Ismail turut membuat sendiri perabot-perabot yang terdapat di dalam rumahnya.

Menurut A. Samad Ismail (1993 : 78), Kampung Melayu telah dibuka oleh Kesatuan Melayu, lama sebelum keluarganya berpindah ke situ setelah ayahnya bersara sebagai Guru Besar di Sekolah Melayu di Katong dan sebelum itu, ayahnya turut pernah bertugas di Sekolah Rochore. Kampung Melayu telah dibuka oleh Kesatuan Melayu ketika di bawah pimpinan Encik Eunos. Kampung itu dibuka untuk menampung penduduk-penduduk Kampung Kallang yang dipindahkan ke Kampung Melayu kerana kampung mereka termasuk dalam kawasan yang hendak dijadikan Lapangan Terbang Kallang. Selain itu, Kampung Melayu juga telah

diperuntukkan kepada orang-orang yang berketurunan Melayu jati serta orang-orang yang telah bersara.

Antara kampung di Singapura sebelum perang itu, Kampung Melayulah yang terulung sekali kerana teratur dengan kemudahan air paip, kolam renang, padang bola dan sekolah. Nama-nama lorong dan jalan di kampung itu turut mengambil sempena nama pemimpin-pemimpin Kesatuan Melayu seperti Jalan Pagak, Jalan Manan, Jalan Adam, Jalan Ambo Soolah, Jalan Yahaya dan sebagainya. Haji Ismail iaitu bapa A. Samad Ismail adalah antara guru tertua di Singapura. Penuntut-penuntut beliau antaranya adalah seperti Haji Ambo Soolah iaitu pemimpin Kesatuan Melayu dan Syed Hussein al-Sagoff iaitu pemilik kepada akhbar *Warta Malaya*. Keluarga Haji Ismail adalah penyokong kuat kepada Kesatuan Melayu. Sesetengah daripada bekas anak murid Haji Ismail juga telah menjadi orang yang berjaya serta mempunyai kedudukan yang baik dalam perkhidmatan awam dan berperanan penting dalam badan-badan sosial misalnya dalam Kesatuan Melayu. Bekas anak-anak murid Haji Ismail yang berpendidikan Inggeris inilah yang kemudiannya bertanggungjawab memperjuangkan biasiswa untuk A. Samad Ismail dan seterusnya menginginkan beliau bertugas di *Utusan Melayu* setelah beliau lulus Senior Cambridge (A. Samad Ismail, 1993 : 78-80).

A. Samad Ismail telah memulakan alam persekolahannya di Sekolah Melayu Rochore iaitu sekolah di mana bapanya, Haji Ismail menjadi Guru Besar. A. Samad Ismail hanya belajar selama tiga tahun sahaja di sekolah tersebut. Beliau telah melompat kelas dari darjah satu ke darjah tiga dan seterusnya ke darjah empat. Beliau meneruskan pelajarannya di kelas pada sebelah petang iaitu di Victoria Afternoon School yang pada masa itu terletak di Sekolah Melayu Kota Raja. Di

Victoria School, Kota Raja, A. Samad Ismail dan beberapa orang lagi murid Melayu yang lain telah diajar dan dilatih untuk belajar menggunakan Bahasa Inggeris sebagai persediaan untuk masuk ke Special Malay Class 1 di sekolah Inggeris. A. Samad Ismail sekali lagi telah menunjukkan kepintarannya apabila telah melompat ke darjah lima dari Special Malay Class 11 dan tidak dinaikkan ke darjah empat kerana guru-gurunya di Special Malay Class beranggapan bahawa A. Samad Ismail telah menunjukkan prestasi akademik yang sangat mengagumkan. Kesatuan Melayu mula memberikan biasiswa kepada A. Samad Ismail sejak beliau berada di darjah lima sehinggalah ke peringkat Senior Cambridge. A. Samad Ismail mengambil peperiksaan Senior Cambridge ketika berusia 15 tahun. A. Samad Ismail terpaksa berjalan kaki ke sekolahnya di Kota Raja pada setiap hari dari rumahnya yang terletak di Rochore. Pada masa itu, keluarga A. Samad Ismail masih lagi menetap di kuarters guru di Sekolah Melayu Rochore kerana bapanya masih lagi menjadi Guru Besar di sekolah tersebut (A. Samad Ismail, 1993 : 23-24).

A. Samad Ismail mempunyai minat membaca yang tinggi sejak dari kecil lagi. Menurut A. Samad Ismail (1993 : 31), beliau telah membaca semua buku di perpustakaan sekolahnya terutamanya yang bercorak fiksyen. Beliau juga berlanggan majalah-majalah yang berbahasa Inggeris pada setiap minggu. Bagi menjimatkan wang saku belanja sekolahnya yang berjumlah tiga belas sen sehari bagi digunakan untuk membeli majalah-majalah kegemaran beliau seperti *Detective Weekly* dan *Thriller*, A. Samad Ismail sanggup berjalan kaki dari rumahnya di Kampung Melayu ke Geylang Serai sebelum menaiki trem untuk ke sekolah. Beliau dapat menjimatkan wang sakunya sebanyak enam sen pada setiap hari dan dengan cara itu A. Samad Ismail dapat membeli majalah-majalah kegemarannya yang berharga dua belas sen setiap minggu.

Bagi menampung minatnya yang suka membaca itu, pada sebelah petang iaitu selepas sekolah, A. Samad Ismail akan menolong pula abang iparnya untuk menjaga kedai di Arab Street. Melalui cara itu, beliau diberikan wang upah oleh abang iparnya sebanyak tiga sen untuk makan tengah hari dan wang sebagai tambang trem dari Arab Street ke rumahnya di Kampung Melayu. Dengan cara berjimat-cermat seperti inilah yang membolehkan A. Samad Ismail membeli buku-buku dan majalah-majalah terpakai di Bras Basah Road dan High Street. Beliau juga turut meminati beberapa karya hasil penulisan yang ditulis oleh pengarang-pengarang barat yang terkenal seperti Agatha Christie dan Dorothy L. Sayers. Selain bahan-bahan bacaan tersebut, A. Samad Ismail turut membaca surat khabar *Utusan Melayu* dan *Majlis* yang diperolehi oleh bapanya secara percuma ketika menjadi Guru Besar (A. Samad Ismail, 1993 : 31).

Setelah bersara, bapa beliau iaitu Haji Ismail tidak lagi mendapat akhbar-akhbar tersebut secara percuma, hanya sekali-sekala beliau akan membeli akhbar *Utusan Melayu* dan *Warta Malaya*. Oleh yang demikian, pada setiap hari, A. Samad Ismail akan ke rumah abang iparnya yang sememangnya berlanggan akhbar *Utusan Melayu* untuk mengambil naskah tersebut bagi dibawa balik ke rumahnya untuk dibaca walaupun naskah itu hanya dapat dibaca setelah lewat seharian (A. Samad Ismail, 1993 : 33).

Pada kebiasaannya, ruangan yang kerap dibaca oleh A. Samad Ismail adalah ruangan pojok yang dikendalikan oleh A. Rahim Kajai iaitu “Wak Ketok” dan ruangan yang dikendalikan oleh Ishak Haji Muhammad iaitu “Hantu Raya”. Ruangan-ruangan tersebut juga sangat diminati oleh ibu dan kakak-kakak A. Samad Ismail sendiri. Oleh kerana ibunya adalah seorang yang buta huruf, maka pada

setiap hari, A. Samad Ismail akan membaca ruangan tersebut untuk diceritakan kembali kepada ibu dan kakak-kakaknya. Selain itu, A. Samad Ismail turut membaca surat khabar Inggeris iaitu *Malaya Tribune* yang dipinjamnya daripada jiran sebelah rumahnya (A. Samad Ismail, 1993 : 31-33).

Selain membaca majalah-majalah dan buku-buku yang berbahasa Inggeris, A. Samad Ismail juga turut membaca akhbar-akhbar yang berbahasa Melayu. Beliau mula membaca buku-buku Melayu ketika berada di sekolah menengah. Antara buku yang dibacanya adalah seperti *Hikayat Faridah Hanum*, *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila*. Selain itu, beliau turut membaca novel-novel terjemahan hasil usaha Pejabat Karang Mengarang Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim. Antara novel tersebut adalah seperti *Herculis*, *Pelayaran Gulliver* dan *Robin Hood* (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 31).

A. Samad Ismail juga mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang muzik. Semasa berada di darjah tujuh dan Junior Cambridge, beliau mula bermain muzik dengan belajar bermain gitar dan double bass untuk menjadi pemuzik di kabaret seperti di Happy World. Bersama beberapa orang temannya yang turut berminat dengan muzik, A. Samad Ismail telah menukuhan sebuah pasukan kercong. Mereka akan berlatih sehingga larut malam pada setiap malam minggu di rumah teman-temannya yang sama-sama terlibat dengan pasukan kercong itu. A. Samad Ismail dan kawan-kawannya tidak pernah berlatih di rumah A. Samad Ismail sendiri kerana ibu beliau tidak membenarkannya kerana menganggap muzik itu haram di sisi agama. Padahujung minggu, mereka akan berkunjung ke rumah teman-teman yang berada di luar kampung yang turut sama meminati muzik dan turut menganggotai pasukan kercong di kampung masing-masing. Mereka akan

berbual tentang muzik, bertukar-tukar fikiran tentang teknik memainkan alat-alat muzik dan bercerita tentang penyanyi-penyanyi pujaan serta ada kalanya mereka akan turut bersama-sama berlatih muzik. Ada kalanya, A. Samad Ismail dan teman-temannya itu akan berbasikal ke rumah teman-teman lain yang mempunyai radio bateri yang terletak di Bedok dan Changi untuk mendengar siaran lagu-lagu dari Radio Mirom, Bandong (A. Samad Ismail, 1993 : 39).

Walau bagaimanapun, penglibatan A. Samad Ismail dalam bidang muzik tidak lama kerana apabila beliau berada di dalam Senior Cambridge, ibunya melarang beliau daripada bermain muzik dan menyertai kumpulan muzik. Sebaliknya, ibu A. Samad Ismail mahukan beliau lebih menumpukan perhatian terhadap pelajarannya. Ibu A. Samad Ismail juga sangat mengambil berat tentang kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh A. Samad Ismail dan sentiasa mengingatkan beliau agar tidak terlibat dengan kegiatan yang tidak bermoral. Oleh yang demikian, A. Samad Ismail mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan ibunya berbanding dengan bapanya (A. Samad Ismail, 1993 : 40).

3.2 A. Samad Ismail Sebagai Wartawan dan Ketua Pengarang Akhbar

A. Samad Ismail telah mengambil peperiksaan Senior Cambridge ketika berusia 15 tahun. Beliau mula bertugas di *Utusan Melayu* ketika beliau hanya baru berusia 16 tahun iaitu selepas beliau menamatkan peperiksaan Senior Cambridge. Sebenarnya, beliau bekerja di *Utusan Melayu* kerana desakan bapanya iaitu Haji Ismail yang telah dipengaruhi oleh beberapa orang pemimpin dalam Kesatuan Melayu. Sebenarnya, A. Samad Ismail lebih suka kalau dapat bekerja sebagai kerani di jabatan kerajaan atau di syarikat-syarikat swasta. Pada masa itu, seorang kerani

biasa di syarikat-syarikat swasta boleh mendapat gaji antara 30 ringgit atau 35 ringgit sebulan dan sekiranya mempunyai kemahiran menaip dan terengkas, gaji permulaannya pula adalah sebanyak 45 ringgit sebulan. Oleh yang demikian, A. Samad Ismail berasa kesal dengan sikap bapanya yang menyuruh beliau bekerja di *Utusan Melayu* kerana pada peringkat permulaannya beliau tidak mendapat sebarang gaji sedangkan kawan-kawannya yang bekerja sebagai kerani telah mendapat gaji yang boleh dianggap agak lumayan pada masa itu. Keadaan ini bertambah dikesali lagi oleh A. Samad Ismail kerana walaupun telah bekerja di *Utusan Melayu* tetapi wang sakunya yang berjumlah tiga belas sen iaitu jumlah yang sama ketika masih bersekolah dahulu masih lagi diberi oleh kakaknya. Hal ini menjadikan beliau berasa malu kepada teman-temannya yang lain. Bagi ke pejabat pula, A. Samad Ismail menunggang basikal terpakai yang telah dibelikan oleh abang iparnya ketika beliau mula-mula bekerja di syarikat *Utusan Melayu* (A. Samad Ismail, 1993 : 41).

Menurut A. Samad Ismail (1993 : 43), ketika beliau mula-mula bertugas di *Utusan Melayu*, beliau adalah seorang yang agak pemalu dan suka menyendiri sehingga menyebabkan pekerja-pekerja di *Utusan Melayu* pada masa itu menganggapnya sebagai seorang yang sompong kerana tidak mahu bergaul dengan pekerja-pekerja yang lain. Sebenarnya, pada masa itu disebabkan oleh usianya yang masih terlalu muda, telah menyebabkan A. Samad Ismail berasa canggung untuk bergaul dengan pekerja-pekerja lain dan keadaan ini ditambah pula dengan suasana pekerjaan yang serba baru di *Utusan Melayu*. Walaupun ramai pekerja di situ yang dikenalinya kerana tinggal sekampung dengannya dan ada pula antara pekerja tersebut yang mempunyai pertalian saudara dengan keluarganya tetapi beliau berasa amat sukar untuk menyesuaikan diri dengan suasana di situ. A. Samad Ismail turut dikejutkan oleh sikap pekerja-pekerja di *Utusan Melayu* terutamanya dengan sikap

Rahim Kajai sendiri yang suka mencarut dan sering mengeluarkan kata-kata lucah. Pada masa itu, Rahim Kajai adalah pengarang di *Utusan Melayu*. Bagi A. Samad Ismail sendiri (1993 : 43), beliau tidak menyangka seorang pengarang seperti Rahim Kajai suka mencarut dan mudah mengeluarkan kata-kata yang lucah kerana bagi beliau imej seorang pengarang adalah seorang yang bersopan-santun, teliti ketika mengeluarkan kata-kata, alim dan warak seperti bapanya, Haji Ismail yang pada suatu waktu pernah menjadi pengarang dan memimpin sebuah majalah.

Ketika mula-mula bertugas di *Utusan Melayu*, A. Samad Ismail tidak melakukan apa-apa tugas yang tertentu sehingga menimbulkan kebosanan dalam dirinya. Namun, setelah beliau menyatakan rasa bosannya itu kepada Yusof Ishak yang bertugas sebagai pengurus di *Utusan Melayu* pada masa itu, A. Samad Ismail mula diberikan tugas untuk menterjemahkan beberapa berita daripada Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu. Pada mulanya, Ramli Tahir iaitu pembantu Rahim Kajai telah meminta A. Samad Ismail untuk menterjemahkan pengumuman tentang acara pancaragam polis di Kebun Bunga untuk pembaca yang berminat dengan permainan muzik pancaragam tersebut. Selain itu, beliau juga turut diminta untuk menterjemahkan pengumuman tentang keadaan pasang surut di sekitar Singapura. Walaupun pengumuman tersebut tidak panjang iaitu hanya dua perenggan tetapi bagi A. Samad Ismail, tugas tersebut amatlah berat (A. Samad Ismail, 1993 : 44).

Daripada menyalin dan menterjemahkan notis tersebut, Ramli Tahir mula meminta agar A. Samad Ismail menterjemahkan pula berita-berita dari luar negeri yang pendek dan singkat. Dalam usaha beliau untuk memperbaiki hasil terjemahan tersebut, A. Samad Ismail telah membanding-bandingkan hasil terjemahannya itu dengan berita terjemahan yang tersiar dalam *Utusan Melayu* pada keesokan harinya.

Langkah A. Samad Ismail membanding-bandingkan hasil terjemahannya sendiri dengan terjemahan yang telah disunting dan tersiar dalam *Utusan Melayu* telah mengukuhkan lagi penguasaan beliau dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (A. Samad Ismail, 1993 : 44-45).

Ramli Tahir kemudiannya telah meletakkan kepercayaan beliau kepada A. Samad Ismail apabila lebih banyak berita luar negeri yang diberikan kepada A. Samad Ismail untuk diterjemahkan. Setiap hari apabila sampai di pejabat, A. Samad Ismail akan memulakan tugasnya dengan menyaring, memilih dan seterusnya beliau akan menterjemahkan berita-berita luar negeri iaitu dari agensi berita antarabangsa Reuters yang telah diterimanya pada sebelah pagi. A. Samad Ismail juga turut bertanggungjawab untuk membuat tajuk berita tersebut di samping menetapkan jenis huruf yang akan digunakan untuk tujuan penerbitan dalam surat khabar *Utusan Melayu*.

Setelah tiga bulan bertugas di *Utusan Melayu*, barulah A. Samad Ismail dilantik sebagai anggota sidang pengarang akhbar tersebut dan dibayar gaji yang berjumlah sepuluh ringgit sebulan. Selain menolong Ramli Tahir menyunting berita-berita luar negeri, A. Samad Ismail juga telah ditugaskan oleh Rahim Kajai untuk menghadiri sidang akhbar bagi menonton preview filem di pawagam, mewakili *Utusan Melayu* di majlis-majlis jamuan dan mengunjungi pejabat penerangan kerajaan di bangunan Cathay untuk mengambil risalah, kenyataan rasmi dan sebagainya. A. Samad Ismail telah banyak mempelajari sistem penerbitan surat khabar ketika berada di *Utusan Melayu* (A. Samad Ismail, 1993 : 57).

Walaupun pada peringkat awalnya, A. Samad Ismail banyak mengalami kejutan ketika bekerja di *Utusan Melayu* terutamanya melalui sikap Rahim Kajai yang suka bercakap luah dan mencarut tetapi melalui Rahim Kajai jugalah A. Samad Ismail banyak mendapat pengaruh yang kemudiannya telah membentuk sikap beliau sendiri dalam bidang kewartawanan. Rahim Kajai banyak menasihatkan A. Samad Ismail supaya belajar melapor dan menulis berita terlebih dahulu sebelum menulis rencana yang lebih bersifat serius dan kritikal. Sebelum menulis rencana, Rahim Kajai turut menasihatkan A. Samad Ismail agar belajar dan mengetahui persekitaran masyarakatnya secara lebih mendalam. Dalam banyak segi, suasana bekerja di *Utusan Melayu* telah banyak mengajar dan mendewasakan A. Samad Ismail sendiri (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 37).

Kerajaan tentera Jepun telah membentuk semula struktur media sebaik sahaja berkuasa di Singapura pada tahun 1942. Surat khabar *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu* telah digabungkan menjadi *Berita Malai* yang telah diterbitkan dalam huruf rumi. Barisan pengarang *Berita Malai* adalah terdiri daripada Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad, Haji Hashim, M. Sallehuddin dan beberapa orang lagi wartawan dari Indonesia seperti Zubir Said, Taharuddin Ahmad dan Abdullah Kamil. Kerajaan tentera Jepun cuba menghapuskan pengaruh Inggeris dalam *Warta Malaya* dan *Utusan Melayu*. Oleh itu, surat khabar *Berita Malai* adalah akhbar yang berorientasikan Tanah Melayu dan Indonesia. Tambahan pula, pentadbiran Jepun telah menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan Sumatera dalam satu wilayah pentadbiran. Kemahiran A. Samad Ismail dalam Bahasa Inggeris telah memudahkan tugasnya dalam menterjemahkan berita dari luar negara yang diterbitkan oleh syarikat berita Jepun iaitu Domei. A. Samad Ismail mempunyai tugas untuk membantu Ishak Haji Muhammad dalam membuat editorial *Berita Malai*, mengatur

tugas pemberita, membaca surat-surat pembaca dan membuat layout surat khabar (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 38-39).

Semasa pendudukan Jepun, kebanyakan teman A. Samad Ismail adalah terdiri daripada orang Indonesia di Singapura. Kebanyakan pemuda Indonesia ini fasih dalam bahasa Jepun dan mempunyai penguasaan Bahasa Melayu yang baik, malahan lebih baik daripada tahap penguasaan bahasa Melayu anak-anak muda jati Singapura. Peranan *Berita Malai* ketika itu sama sahaja seperti peranan *Utusan Melayu* di Singapura pada tahun-tahun selepas perang. Akhbar itu menjadi tempat untuk pemuda-pemuda Indonesia ini bertukar-tukar fikiran dan menjalin hubungan dengan wartawan-wartawan yang bekerja dengan akhbar tersebut (A. Samad Ismail, 1993 : 103).

Semasa pemerintahan Jepun juga, A. Samad Ismail banyak melibatkan dirinya dalam kegiatan kebudayaan dan kemasyarakatan. Dalam kegiatan-kegiatan seperti inilah, A. Samad Ismail mula menjalinkan hubungan dengan bakal isterinya iaitu Hamidah Binti Hasan yang kemudiannya turut sama bekerja dengan beliau di *Berita Malai* dan *Utusan Melayu* pada zaman selepas perang. Gaji A. Samad Ismail ketika bertugas di *Berita Malai* adalah sebanyak 300 ringgit duit Jepun.

Setelah Rahim Kajai meninggal dunia, kepimpinan *Berita Malai* telah disandang oleh Ishak Haji Muhammad kerana beliau adalah wartawan terkenan pada masa itu. Sebagai seorang bekas pemimpin Kesatuan Melayu Muda, Ishak amat mengharapkan agar kerajaan tentera Jepun akan membawa perubahan kepada nasib bangsa Melayu di Asia tetapi beliau akhirnya kecewa apabila mendapati bahawa pihak Jepun hanya berminat untuk menjajah Asia Tenggara semata-mata tanpa ada

keinginan untuk memajukan penduduknya. Dalam keadaan penuh kekecewaan inilah, Ishak Haji Muhammand merajuk dan meninggalkan kepimpinan *Berita Malai* bagi membawa diri dan keluarganya ke Pulau Bintan untuk mencuba nasib sebagai petani di sana. A. Samad Ismail memimpin *Berita Malai* ketika beliau baru berusia 20 tahun. Namun, pengalaman yang diperolehinya ketika bekerja di bawah Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad banyak membantunya dalam tugasnya untuk memimpin *Berita Malai* (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 40-41).

Sebagai orang yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin *Berita Malai*, A. Samad Ismail juga turut bertanggungjawab untuk memimpin *Semangat Asia* dan *Fajar Asia*. Walau bagaimanapun, A. Samad Ismail tidak bebas dalam menjalankan tugasnya kerana pergerakannya sentiasa diawasi oleh gerakan propaganda Jepun yang dikendalikan secara langsung oleh pihak atau Jabatan Pentadbiran Tentera Jepun. Hasil daripada pengalamannya yang pernah bekerja dengan Ishak Haji Muhammad, telah membentuk A. Samad Ismail menjadi seorang yang berkeyakinan tetapi dalam masa yang sama juga beliau telah menjadi seorang yang kasar, kurang ajar dan biadab. Disebabkan usianya yang masih muda, A. Samad Ismail menjadi seorang yang tidak sabar untuk menguasai bidangnya dan tanggungjawabnya yang berat sebagai pemimpin dalam *Berita Malai* serta tiada pula pengetahuan dalam bidang kemanusiaan telah menjadikan beliau sering berlaku kasar dengan orang-orang bawahannya walaupun ada di antara mereka itu yang lebih tua daripadanya (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 41-42).

3.3 A. Samad Ismail Dalam Zaman Selepas Perang

Pihak Jepun terpaksa mengaku kalah dalam Perperangan Dunia Kedua apabila dua bandarnya iaitu Hiroshima dan Nagasaki telah dibom dengan menggunakan bom atom oleh kapal terbang tentera Amerika. A. Samad Ismail telah mengetahui tentang berita kekalahan Jepun itu daripada ketuanya yang berbangsa Jepun. Kekalahan tentera Jepun dan kemasukan semula Tentera Berikat ke Tanah Melayu dan Singapura telah menyebabkan A. Samad Ismail kehilangan jawatannya dalam *Berita Malai*.

Penglibatan A. Samad Ismail sebagai pemimpin *Berita Malai* serta hubungannya yang erat dengan Ibrahim Yaakob dalam Kesatuan Melayu Singapura dan KERIS menyebabkan A. Samad Ismail telah beberapa kali disoal siasat oleh pihak Pentadbiran Tentera British. Akhirnya, pada tahun 1946 beliau telah ditahan di penjara Outram, Singapura. Kerajaan Tentera British telah mengenakan tuduhan menghasut rakyat iaitu supaya rakyat membenci kerajaan British terhadap A. Samad Ismail. Walau bagaimanapun, tuduhan itu kemudiannya telah digugurkan selepas peguam A. Samad Ismail mengemukakan rayuan. Namun, A. Samad Ismail tidaklah bebas dalam erti kata yang sebenarnya kerana beliau sentiasa berada di bawah perhatian dan pengawasan pihak tentera Inggeris.

Selepas dibebaskan dari tahanan, A. Samad Ismail telah bekerja semula di *Utusan Melayu* setelah mengganggu buat beberapa ketika. Semenjak berkhidmat semula di *Utusan Melayu*, A. Samad Ismail telah berusaha untuk menyiaran berita-berita seperti perjuangan revolusi Indonesia dan penentangan terhadap Malayan Union dengan lebih kerap dalam akhbar tersebut.

Dalam bidang politik, A. Samad Ismail bersama Taha Kalu dan Abdullah Zawawi telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu di Singapura. Beliau bersama Aziz Ishak telah menubuhkan Gerakan Angkatan Muda atau GERAM. GERAM telah menganggotai Pusat Tenaga Rakyat atau PUTERA untuk menentang penubuhan Malayan Union dan Perlembagaan Persekutuan. A. Samad Ismail juga bersimpati dengan perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Ahmad Boestamam yang mempunyai matlamat utama untuk mencapai kemerdekaan bangsa dan tanah air dengan menggabungkan Tanah Melayu dan Indonesia dan seterusnya mendirikan Republik Malaya sebagai satu anggota Republik Indonesia Raya. Pada masa yang sama, A. Samad Ismail cuba mempertingkatkan lagi pengetahuannya dalam bidang politik dengan membaca buku-buku politik berhaluan kiri seperti yang ditulis oleh Profesor Harold Laski iaitu seorang tokoh politik berhaluan kiri yang berbangsa Inggeris pada masa itu. Beliau juga turut membaca karya-karya falsafah yang ditulis oleh penulis-penulis seperti Kant, Hegel, Herbert Spencer, Spinoza dan Rousseau. A. Samad Ismail turut membaca karya-karya yang ditulis oleh penulis-penulis radikal seperti Maxim Gorky, Chekov, Tolstoy, Balzac dan Guy de Maupassant. Beliau turut terlibat secara aktif dengan kesatuan-kesatuan sekerja atau Trade Union (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 46-47).

Pada tahun 1951, A. Samad Ismail telah ditangkap sekali lagi di bawah undang-undang Darurat 1948 oleh pihak Inggeris. Beliau dituduh bekerjasama dengan beberapa orang pemimpin yang berhaluan kiri untuk menyokong pemogokan kesatuan sekerja di Singapura.¹ Antara yang turut ditangkap pada masa itu adalah seperti John Eber, Devan Nair dan P.B. Sharma. Penahanan mereka telah menjadi satu isu yang hangat di parlimen Inggeris kerana kebanyakan yang ditangkap itu

adalah terdiri daripada golongan intelektual seperti wartawan dan peguam serta mahir pula bercakap dan menulis dalam Bahasa Inggeris.

A. Samad Ismail telah ditahan sejak tahun 1951 hingga tahun 1953. Pembebasannya daripada tahanan telah disambut seperti wira. Pengalaman ini berbeza dengan pembebasannya dari penjara Outram pada tahun 1946. Pembebasannya pada kali kedua ini telah diperjuangkan oleh bukan sahaja rakyat jelata tetapi juga oleh pelbagai pihak seperti pemimpin-pemimpin Melayu di Tanah Melayu dan Singapura, akhbar-akhbar Inggeris yang pro-kolonial iaitu *Daily Herald* dan *Daily Tribune* serta pemimpin-pemimpin pembangkang di parlimen British sendiri. Walau bagaimanapun, pihak Inggeris telah mengenakan pelbagai syarat ke atas pembebasan A. Samad Ismail itu. Beliau tidak dibenarkan keluar dari rumah antara jam 6.00 petang hingga jam 6.00 pagi. A. Samad Ismail juga tidak dibenarkan bergiat dalam parti politik tanpa mendapat kebenaran daripada Gabenor. Beliau juga tidak dibenarkan membuat lawatan ke luar negeri tanpa izin kerajaan (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 51).

Lee Kuan Yew telah memperjuangkan kebebasannya yang mutlak supaya beliau boleh bergerak dalam parti politik yang sedang dalam proses penubuhannya pada masa itu. Sepanjang perkhidmatannya dalam *Utusan Melayu*, A. Samad Ismail juga telah turut dipilih untuk mengiringi Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak bagi merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu di London pada tahun 1953. Pada tahun 1954, beliau telah mengetuai delegasi wartawan dari Tanah Melayu dan Singapura dalam persidangan wartawan Afro-Asia di Bandung. Beliau turut menyertai Kongres Bahasa di Medan pada tahun 1955 di samping berperanan

penting dalam Kongres Bahasa dan Persatuan Melayu di Universiti Singapura (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 50-51).

A. Samad Ismail telah berhenti dari surat khabar *Utusan Melayu* setelah berselisih faham dengan Yusof Ishak yang bertugas sebagai pengurus akhbar tersebut pada masa itu. A. Samad Ismail mula berkhidmat dengan akhbar *Berita Harian* pada tahun 1958 dan telah dipertanggungjawabkan untuk memimpin akhbar tersebut di ibu pejabatnya di Jalan Pudu, Kuala Lumpur. Seperti juga ketika dipertanggungjawabkan untuk memimpin *Berita Malai* dan *Utusan Melayu*, A. Samad Ismail telah bekerja keras untuk menaik dan meningkatkan mutu *Berita Harian*. A. Samad Ismail mempunyai hubungan yang erat dengan Tun Abdul Razak dan beliau sering diundang oleh Tun Abdul Razak untuk membuat liputan tentang lawatan Tun Abdul Razak ke kawasan luar bandar atau ke luar negara. A. Samad Ismail turut membantu kerajaan Malaysia untuk mengakhiri konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia pada tahun 1966. Sebagai penghargaan terhadap jasa dan sumbangannya kepada negara, kerajaan Malaysia telah memberikan taraf kerakyatan kepada beliau dan keluarganya dan pada tahun 1966 juga menyaksikan A. Samad Ismail telah dianugerahkan dengan bintang kebesaran negara iaitu bintang Johan Mangku Negara (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 55-63).

Pada tahun 1976, A. Samad Ismail telah dianugerahkan dengan gelaran ‘Pejuang Sastera’ oleh Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. Namun, perhubungannya yang rapat dengan Tun Abdul Razak telah digunakan oleh musuh-musuhnya untuk menjatuhkan beliau. Beliau dituduh sebagai pengikut komunis dan sebagai kesannya pada 22 Jun 1976, beliau telah ditahan oleh Kementerian Dalam Negeri di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA. A. Samad Ismail hanya

dibebaskan pada tahun 1981 iaitu ketika negara berada di bawah kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Muhammad. Selepas dibebaskan, A. Samad Ismail kembali memimpin *Berita Harian* pada tahun 1982 sehingga beliau bersara pada tahun 1987 (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 59-63).

3.4 A. Samad Ismail Dalam Dunia Kesusasteraan

Semenjak berada di *Utusan Melayu* lagi, A. Samad Ismail telah bergerak aktif dan terbabit secara langsung dengan dunia kesusasteraan dan kebahasaan. Keadaan ini mungkin dipengaruhi juga oleh minat membacanya yang mendalam dan banyak membaca buku-buku sejak dari kecil lagi. Ketika berada di *Utusan Melayu* dan *Berita Malai* jugalah beliau telah mula bergiat dan mencuba-cuba untuk menulis sajak dan cerpen (A. Samad Ismail, 1993 : 46-47).

A. Samad Ismail telah meyokong perjuangan ASAS 50 atau Angkatan Sasterawan 50 yang ditubuhkan pada 6 Ogos 1950. Beliau telah memberi ruang kepada para sasterawan ASAS 50 untuk menulis sajak, cerpen dan esei dalam *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman* dan *Mastika* walaupun tindakannya itu tidak disenangi oleh Yusof Ishak yang merasakan bidang tersebut tidak akan mendatangkan sebarang keuntungan jika disiarkan. A. Samad Ismail sendiri kemudiannya akan mengkritik karya-karya yang telah disiarkan itu. Selain itu, beliau turut menggalakkan polemik “Seni Untuk Masyarakat” yang dipelopori oleh ASAS 50 dan juga “Seni Untuk Seni” yang telah dipelopori oleh Hamzah. Semasa mengetuai *Berita Harian* di Kuala Lumpur, beliau bersama beberapa orang kawannya telah menubuhkan Persatuan Penulis Nasional (PENA) pada 12 Februari 1961. Tokoh-tokoh PENA terdiri daripada editor Dewan Bahasa Dan Pustaka,

wartawan dan juga penulis. A. Samad Ismail juga telah mengadakan sayembara cerpen pada setiap hari Khamis dan Sabtu dalam *Berita Harian*. Antara penulis muda yang dapat dilahirkan melalui ruangan-ruangan seperti ini adalah Mana Sikana, Othman Rasul, A. Shukor Harun, Norzah, Nora dan Shahnon Ahmad (Abdul Rahim Marasidi, 2003 : 66-67).

A. Samad Ismail juga lebih berminat dan cenderung untuk menghasilkan cerpen kerana beliau berpendapat melalui cerpen, temanya lebih mudah dan lebih cepat untuk disampaikan kepada para pembaca. Beliau mula menulis cerpen ketika berusia 19 tahun yang menggambarkan penderitaan hidup semasa zaman Jepun iaitu seperti cerpen terawalnya yang bertajuk “Seorang Pengail” yang disiarkan pada bulan Februari 1944. Cerpen seterusnya yang telah dihasilkan oleh A. Samad Ismail adalah cerpen yang bertajuk “Ubi Kayu” tersiar pada bulan Mac 1944 dan diikuti pada bulan April 1944 dengan cerpennya yang bertajuk “Ke Bintan-To”. Kesemua cerpen tersebut telah tersiar dalam *Semangat Asia*. Beliau menulis cerpen “Ingin Jadi Pujangga”, “Bung Leman”, “Pertentangan” dan “Banyak Anak” ketika ditahan di Penjara Sekijang antara tahun 1951 hingga 1953. Cerpen-cerpen itu kemudiannya telah tersiar dalam majalah *Mastika* (A. Karim Haji Abdullah, 1995: xvi).

Melalui cerpen-cerpen yang banyak ditulisnya itu, A. Samad Ismail telah menghasilkan dua buah antologi cerpen iaitu *Temasya Tinta* (1967) dan *Mastura* (1967) serta *Ingin Jadi Pujangga* (1995) yang telah diselenggarakan oleh Haji Karim Abdullah. Selain daripada cerpen, A. Samad Ismail turut menghasilkan novel. Antara novel yang dihasilkannya adalah seperti *Patah Sayap Terbang Jua* (1966, Setia Murni, Kuala Lumpur), *Hud* (1967, Pustaka Gunung Tahan, Kuala Lumpur), *Kail Panjang Sejengkal* (1967, Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur), *Orang*

Jauh (1967, Penerbitan Setia Murni, Kuala Lumpur), *Tembok Tidak Tinggi* (1967, Pustaka Melayu Baru, Kuala Lumpur), *Menduga Lautan Dalam* (1968, Pustaka Pendidikan Sdn. Bhd., Kluang), *Detik-detik Chemas* (1969, Pustaka Nasional, Singapura), *Hussein Zet* (1970, Pustaka Pendidikan Sdn. Bhd., Kluang) dan *Sutinah* (1975, Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur).

A. Samad Ismail turut menghasilkan penulisan yang berkaitan dengan bimbingan dalam bidang penulisan. Antara buku itu adalah seperti *Kursus Wartawan* (1957, Geliga Limited, Singapura), *Mengasah Bakat* (1966, Pustaka Melayu Baru, Kuala Lumpur) dan *Bimbingan Penulis* (1967, Penerbitan Federal Berhad, Kuala Lumpur).

3.5 Pengiktirafan Terhadap Ketokohan A. Samad Ismail

Menurut A. Karim Haji Abdullah (1991: xvi), nama-nama seperti Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad dan A. Samad Ismail adalah antara beberapa nama yang akan tetap berdiri gagah dalam perkembangan lapangan kesusastraan Melayu moden dan surat khabar Melayu di negara ini. Mereka adalah antara tokoh-tokoh yang bertanggungjawab dalam membawa perubahan dan pembaharuan dalam dunia kesusastraan dan persuratkhabaran Melayu. Dalam hal ini, peranan A. Samad Ismail lebih menonjol lagi kerana beliau adalah antara wartawan yang cekap menggunakan kedua-dua Bahasa Melayu dan Inggeris iaitu suatu perkara yang luar biasa bagi seorang wartawan Melayu pada masa itu.

A. Samad Ismail bukan hanya seorang wartawan yang cekap tetapi juga seorang sasterawan yang berbakat. Beliau telah menghasilkan sebelas buah novel, dua antologi cerpen, empat buah esei kewartawanan dan kesusastraan, ribuan

rencana dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang mencakupi pelbagai masalah iaitu daripada soal bahasa dan sastera sehingga kepada isu-isu politik, ekonomi, kebudayaan dan kemasyarakatan. A. Samad Ismail turut diakui oleh teman dan lawan sebagai wartawan yang berwibawa sama ada di dalam maupun di luar negara, seorang pemikir yang tajam, nasionalis tulen, tokoh politik yang dinamik, pembela keadilan yang jujur serta pelbagai julukan lagi (Usman Awang dalam A. Karim Haji Abdullah, 1991: xvii).

Sebelum bersara daripada jawatannya di *Berita Harian*, sebagai mengiktiraf ketokohnanya dalam bidang penulisan dan kewartawanan, A. Samad Ismail telah dianugerahkan dengan Doktor Persuratan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1987. Pada tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1988, beliau telah dianugerahkan dengan gelaran “Tokoh Wartawan Negara” oleh Institut Akhbar Malaysia. A. Samad Ismail seterusnya telah dianugerahkan dengan “Asean Cultural Award For Journalism” pada tahun 1990 melalui sumbangan yang telah banyak dicurahkannya dalam bidang kewartawanan. Oleh kerana sumbangannya yang begitu banyak, A. Samad Ismail telah dianugerahkan dengan darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri pada tahun 1992. Selain itu, Kerajaan Filipina telah menganugerahkan beliau dengan “Ramon Magsaysay Award” iaitu satu anugerah tertinggi daripada kerajaan tersebut untuk wartawan-wartawan ulung di Asia (A. Karim Haji Abdullah, 1991 : xix).

Wan Hashim Wan Teh dalam teks ucapan Pemidato Umum di Majlis Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan, Universiti Kebangsaan Malaysia kepada A. Samad Ismail pada 1 Ogos 1987, antara lain ada menyatakan bahawa A. Samad Ismail adalah antara kuasa penggerak kepada penubuhan Angkatan

Sasterawan 50 atau lebih dikenali sebagai ASAS 50 yang telah memperjuangkan slogan “Seni Untuk Masyarakat” dan giat mendedahkan penderitaan rakyat jelata yang memerlukan pembelaan. Seterusnya, Wan Hashim Wan Teh turut menyatakan bahawa sumbangan A. Samad Ismail amat penting dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden melalui peranannya dalam tahun 1940-an hingga ke tahun 1960-an di mana beliau telah membuka seluas-luasnya ruangan akbar yang dipimpinnya untuk para seniman muda yang baru mula hendak mencuba bakat dan berkarya.

Keadaan ini adalah amat bertentangan dengan kebanyakan polisi akbar pada masa itu yang lebih mementingkan wang daripada hasil iklan, sedangkan penyiaran sajak dan cerpen kononnya dirasakan tidak akan mendatangkan wang sebaliknya menggalakkan manusia supaya berkhayal. A. Samad Ismail secara tegas tetap berpegang teguh kepada prinsip perjuangannya sehingga beliau berjaya mengembangkan bakat-bakat yang sememangnya telah sedia ada pada tokoh-tokoh seperti Keris Mas, Usman Awang, Asraf, A. Samad Said, Shahnon Ahmad, Awani-El-Sarkam dan sebagainya. A. Samad Ismail pada zaman Tun Abdul Razak juga telah mengilhamkan gagasan Hadiah Pejuang Sastera dan Hadiah Sastera Negara. Antara tahun 1971-1976, A. Samad Ismail telah dipilih untuk manganggotai panel hakim Hadiah Sastera pada tahun 1976 bersama beberapa orang lagi tokoh sastera tanah air seperti Ishak Haji Muhammad, Keris Mas, Usman Awang, A. Samad Said dan Shahnon Ahmad. Beliau telah turut dianugerahkan dengan Hadiah Pejuang Sastera pada tahun 1976 (Wan Hashim Wan Teh dalam A. Karim Haji Abdullah, 1991 : 8).

Walaupun setelah bersara daripada dunia surat akhbar, ketokohan beliau dalam bidang penulisan dan kewartawanan tetap dipandang tinggi. Beliau kerap diundang untuk menyampaikan ceramah, seminar dan sebagainya oleh pihak-pihak tertentu sama ada di dalam mahupun di luar negara. Pihak Universiti Malaya sendiri pernah mengundang beliau sebagai pensyarah sambilan. Beliau turut diundang untuk memberikan khidmatnya di Dewan Bahasa dan Pustaka serta di Institut Teknologi Mara. A.Samad Ismail turut menjadi penulis tamu di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1991.

Selama 46 tahun A. Samad Ismail bergiat dalam dunia kewartawanan dan menjadi pemimpin beberapa buah akhbar harian dan mingguan, A. Samad Ismail telah bertindak sebagai guru kepada ratusan atau mungkin ribuan pemberita dan penulis muda sehingga ramai daripada mereka ini akhirnya muncul sebagai penulis dan pemberita yang berjaya. A. Samad Ismail bukan sekadar sebagai tali penyambung tradisi kewartawanan Melayu yang dipelopori oleh Ahmad bin Abdul Rashid Talu, Syed Sheikh al-Hadi, Abdul Rahim Kajai, Pak Sako dan lain-lainnya tetapi beliau telah membawa dunia kewartawanan Malaysia ke dalam era moden selepas Perang Dunia Kedua, masuk ke era selepas merdeka, hingga sampai ke era komputer dan organisasi perniagaan korporat pada masa kini di mana A. Samad Ismail masih berdiri tegak dan teguh dalam dunia kerjayanya iaitu sebagai seorang manusia gergasi dalam dunia kewartawanan, seorang aktivis politik dan nasionalis tulen yang mempunyai semangat kebangsaan yang mendalam, seorang pejuang bahasa serta seorang tokoh dan pejuang sastera (Wan Hashim Wan Teh dalam A. Karim Haji Abdullah, 1991: 4-6).

3.6 Penutup

Sesungguhnya, A. Samad Ismail mempunyai ketokohnanya yang tersendiri dalam bidang penulisan dan kewartawanan. Selain pihak-pihak tertentu yang masih meminta khidmat dan pandangannya, jumlah cerpen dan novel yang telah dihasilkannya juga turut membuktikan kenyataan tersebut. Berdasarkan jumlah karya-karya yang dihasilkannya dengan sendirinya telah memperlihatkan kepada kita bahawa A. Samad Ismail sememangnya seorang penulis yang sangat giat dalam berkarya. Pengamatannya yang sangat mendalam terhadap masyarakatnya sendiri dan berdasarkan pengalaman hidupnya yang sangat rencam dan pelbagai telah menjadikan karya-karya yang dihasilkannya sarat dengan kiasan dan teladan sama ada secara tersirat atau sebaliknya. Beliau turut memberikan perhatian terhadap isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakatnya dan dengan dibantu oleh elemen-elemen yang lain, beliau telah menggarap isu-isu tersebut untuk dijelmakan dalam keadaan yang sangat menarik dalam karya-karyanya yang berbentuk kreatif iaitu cerpen dan novel. Hal inilah kelak yang akan dianalisis dan dibincangkan dalam bab-bab yang berikutnya.